

5S JABATAN SAINS GUNAAN

DISEDIAKAN OLEH: AINNIE RAHAYU BINTI ABDULLAH & NOOREZAL ATFYINNA BINTI MOHD NAPIAH

Pada tarikh 13 dan 14 Februari 2020, aktiviti gotong royong dan 5S telah diadakan oleh Unit 5S dan Keceriaan JSG. Hampir kesemua staf JSG terlibat dalam aktiviti ini yang bertujuan untuk mewujudkan suasana kerja ceria dan kemas selain mengeratkan tali silaturrahim di kalangan staf JSG. Antara aktiviti utama yang dijalankan adalah memasang ‘wallpaper’ pada dinding berdekatan dengan pintu masuk dan kaunter pejabat.

Selain itu, aktiviti kitar semula turut diadakan di mana semua bahan-bahan tidak terpakai khususnya dari bilik-bilik pensyarah telah dikumpul, dihantar dan dijual ke pusat pengumpulan kitar semula berdekatan. Antara bahan-bahan terbuang yang dapat dikumpul adalah ‘banner’ lama, kertas, buku-buku dan sebagainya.

Jelas sekali, aktiviti ini telah berjalan dengan lancar dan hasilnya ruang pejabat jabatan yang lebih kemas, ceria dan tersusun telah berjaya diwujudkan. Adalah diharapkan agar aktiviti sihat sebegini dapat dijalankan lagi dan berterusan hendaknya.

Sebelum pemasangan 'wallpaper'



Semasa pemasangan 'wallpaper'



Barang-barang terbuang dan hasil kutipan

